



الجامعة الإسلامية العالمية ماليزيا  
INTERNATIONAL ISLAMIC UNIVERSITY MALAYSIA  
جامعة إسلامية دولية ماليزيا

A T U R C A R A J E N A Y A H D I D A L A M

M A H K A M A H S Y A R I A H

N E G E R I P E R A K

O  
L  
E  
H

H A J I M U H A M A D A S R I H A J I A B D U L L A H

K U R S U S

D I P L O M A U N D A N G - U N D A N G D A N

P E N T A D B I R A N K E H A K I M A N I S L A M

P  
E  
N  
Y  
S  
L  
I  
A

P R O F : M A D Y A T U A N H A J I M O H D .

A K R A M S H A I R M O H A M A D

U N I V E R S I T I I S L A M

A N T A : A B A N G S A

**KANDUNGAN**

---

<b>Kandungan</b>	<b>i - iv</b>
<b>Pendahuluan</b>	<b>v - vi</b>
<b>Bab I - Sejarah Penubuhan Mahkamah Syariah Perak</b>	
Undang-Undang Sembilan Puluh Sembilan	I
Undang-Undang Bab I97 Tahun I900 FMS	2
Muhamadan Marriage And Divorce Registration	2
Undang-Undang Kesalahan Syara' I939	3
Undang-Undang Pentadbiran Ugama Islam I965	3
- Kedudukan Mahkamah Syariah Negeri Perak	
Mahkamah Kadi / Kadi Litar	4
Mahkamah Kadi Besar	5
Mahkamah Ulang Bicara	6
- Bidangkuasa Jenayah Mahkamah Syariah	6
- Pengenalan Kepada Aturcara Syariah Negeri	
Perak	IO
- Aturcara Jenayah Secara Ringkas	
Permulaan Tindakan	I1
Perbicaraan	I2
Rayuan	I5
Ampunan	I6
<b>Bab II- Bidangkuasa Jenayah Syariah Negeri Perak</b>	
- Bidangkuasa Jenayah Kadi	I7
- Bidangkuasa Jenayah Kadi Besar	I7
- Bidangkuasa Ulang Bicara	I8
- Contoh-contoh Kes	I9
- Perbandingan Antara Keputusan Kes-kes Dengan	
Peruntukan Yang Ada	20

- Analisa	
Kuasa Hanya Untuk Orang-Orang Islam Sahaja	37
Kes-kas Yang Berlaku Di dalam Negeri Perak	
Sahaja	47
Kes-Kes Jenayah Kebanyakannya Didalam	
Bidangkuasa Kadi Besar Sahaja	49
Denda dan Penjara Terlalu Rendah dan	
Sesuai Dengan Zaman	53
Bidangkuasa Jenayah Yang Terlalu Sempit	
Tanpa Meliputi Kesemua Kesalahan-kesalahan	
Syara'	54
 Bab III - Aturcara Jenayah Di dalam Undang-Undang	
 ~ Pentadbiran Agama Islam II/1965	
Fasal 60 : Kebenaran Majlis	56
Fasal 61 : Pengaduan	58
Fasal 62 : Saman dan Waran	60
Fasal 63 : Menangkap Dengan Tiada Waran	63
Fasal 64 : Menyelamatkan Kuasa	65
Fasal 65 : Jaminan dan Tahanan	66
Fasal 66 : Pendakwa	67
Fasal 67 : Tuduhan	68
Fasal 68 : Mana mana Kebenaran Yang Di-	
kehendaki Bagi Menjalankan	
Dakwaan Hendaklah Disahkan	
Oleh Majlis	70
Fasal 69 : Hukuman Penjara	75
Fasal 70 : Hukuman Denda	77
Fasal 71 : Amaran dan Jaminan Diri	79

Fasal 72 : Ampunan	80
Fasal 73 : Memberikan Harta-Harta	80
Fasal 74 : Ketiadaan Mengikut Peraturan	81
Fasal 75 : Perkara-Perkara Yang Tiada Peraturan	82
Fasal 76 : Nafkah	83
Bab IV - Contoh-Contoh Kes Di Mana Salah Acara Jenayah	
Contoh Kes-Kes Mahkamah Kadi	85
Contoh Kes-Kes Mahkamah Kadi Besar	85
Bab V - Kesimpulan	
Catatan Mahkamah Yang Tidak Lengkap	106
- Aturcara Yang Tidak Lengkap Digunakan	107
Tanpa Alasan Hukuman	107
Tanpa Dalil / Nas Bagi Keputusan Hukuman	108
Salah Prosedur	108
Kertas Catatan Mahkamah Yang Tidak Sistematis	108
Proses Pembicaraan dan Perbicaraan Yang Tidak Sempurna	109
Surat-Surat Perintah Untuk Memberi Keterangan	
Dan Suratan Tidak Lengkap	109
Acara Untuk Maklumat Kepada Pegawai Penguatkuasa Agama dan Kuasa-Kuasa Menyiasat Tidak Lengkap dan Tidak Dijelaskan Di dalam Peruntukan	109
- Peruntukan Undang-Undang Pentadbiran Agama Islam Perak II / 1965	110

- Cadangan-Cadangan Membina Kepada Undang-	
Undang Tersebut	II0
- Langkah-Langkah Yang Perlu Diambil	III
- Harapan	III
- Buku-Buku Rujukan	II3

## PENDAHULUAN

Pengkajian undang-undang sivil secara serius dan membandingkan-nya dengan undang-undang syara' adalah suatu yang baru bagi kami khasnya diri saya sebagai seorang kadi. Begitu juga projek ini dibuat adalah hasil bimbingan tuan - tuan pensyarah yang meng-nalkan kami kepada beberapa perkara mengenai perjalanan undang-undang di Malaysia seperti Sistem Undang-Undang di Malaysia oleh Profesor Emiritus Dato' Ahmad Mohamed Ibrahim, Aturcara Mal oleh Profesor Madya Dr. Saedon dan Profesor Madya Tuan Haji Mohd. Akram Shair Mohamad dan Kanun Acara Jenayah oleh Profesor Osman bin Ishak dan Ustaz Abdullah bin Abu Bakar serta lain pensyarah yang terlibat.

Tajuk-projek ini dibuat adalah sebagai satu syarat untuk menyempur nakan Kursus Diploma Undang-Undang dan Pentadbiran Kehakiman Islam. Tajuk yang ditentukan oleh pihak Universiti Islam ialah "Aturcara Jenayah Mahkamah Syariah Negeri Perak" ia juga adalah bersesuaian dengan kehendak diri saya yang ingin membuat satu kajian ilmiah mengenai Acara Jenayah yang digunakan didalam Mahka-mah Syariah Negeri Perak yang dikuatkuasakan mulai tahun 1965 dahulu. Memandangkan masa tersebut terlalu lama maka ia perlu disemak dan dikaji semula. Jika kita lihat kepada peruntukan-peruntukannya pun sudah terlalu ketinggalan zaman dan tidak sesuai lagi digunakan dimasa ini. Keperluan-keperluan untuk mentadbirkan hal ehwal agama pada masa ini adalah memerlukan beberapa peruntukan tambahan yang perlu.

Dengan tunjuk ajar daripada Tuan Penyelia saya Profesor Madya Tuan Haji Mohd. Akram Shair Mohamad saya telah cuba sedaya upaya yang saya mampu untuk menyediakan kertas projek yang tak sepertinya ini.

Saya penuh berharap segala kajian tajuk ini akan menjadi permulaan kepada satu kajian yang lebih menyeluruh mengenai Acara Jenayah didalam Mahkamah Syariah Negeri Perak. Bukanlah setakat itu sahaja, kita berharap Mahkamah Syariah Negeri Perak akan mempunyai juga Acara Keterangan Syarie juga Kanun Kesiksaan Syarienya tersendiri yang diamalkan oleh Mahkamah Syariah kita. Moga-moga ia dapat dimanfaatkan oleh seluruh umum masyarakat khasnya mereka yang terlibat dengan perundangan Islam itu sendiri.

Oleh itu di atas jasa yang tak terhingga saya mengucapkan terima kasih kepada tenaga pengajar Universiti Islam Antarabangsa yang berkenaan khasnya kepada penyelia saya yang sudi membimbang saya setiap masa untuk menyediakan kertas projek ini.

Moga-moga Allah akan menerima segala amal baik kita dan kepada Nyalah kita kembalikan segala-galanya. Amin :

Wassalam.

Universiti Islam Antarabangsa  
Petaling Jaya, Selangor.

---

I7 hb. April, 1986.

## BAB I

### SEJARAH PENUBUHAN MAHKAMAH SYARIAH PERAK

Sebelum dikemukakan kertas projek ini dengan kajian yang lebih jauh adalah lebih baik dikemukakan beberapa latar belakang sejarah penubuhan Mahkamah Syariah Negeri Perak. Iaitu sebelum ujudnya Undang-Undang Pentadbiran Agama Islam Perak II/I965 iaitu enskmen yang paling akhir dan berkuat kuasa hingga sekarang.

Sebagaimana yang diketahui bahawa Negeri Perak ialah sebuah negeri yang dimasukkan ke dalam apa yang dipanggil oleh Kerajaan Penjajah British 'Federated Malay State' yang ditubuhkan dalam tahun 1896 mengikut Perlembagaan Negeri Perak. Mulai zaman itu hingga sekarang ini bahawa D.Y.M.M. Sultan Perak adalah menjadi Ketua Ugama dan Adat Melayu dalam Negeri Perak, yang mempunyai kuasa penuh. Ini seperti mana juga yang terdapat di dalam Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri Perak I960 yang menyatakan bahawa DYMM Sultan adalah kepala Agama (I) negeri ini.

#### Undang-Undang Sembilan Puloh Sembilan

Setakat yang dapat diketahui bahawa Undang-Undang Sembilan Puloh Sembilan atau dalam Bahasa Inggerisnya 'Ninety Nine Laws of Perak' adalah undang-undang yang tertua dalam Negeri Perak mengenai hal ehwal agama.

Ia telah dikanunkan pada tahun 1878. Walaupun peruntukan-peruntukan tersebut dikanunkan, kita tidak dapat mengetahui sejauh mana atau setakat mana undang-undang yang disebut itu dikuatkuasakan (2)

(1) Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri Perak Fasal VI. ms. 5

(2) Sistem Undang-Undang Di Malaysia. Prof. Ahmad Mohamed Ibrahim ms. I3 Cetakan DBP I985.

Kuatkuasa undang-undang ini telah berjalan hingga ketahun 1900 apabila ianya diganti dengan suatu undang-undang lain iaitu Bab FMS 197.

Selepas daripada tahun 1900 Pentadbiran Hal Ehwal Agama Negeri Perak telah mengalami beberapa perubahan, cara penyusunan dan sebagainya, untuk diubahsuai dengan kehendak-kehendak masyarakat dari masa ke semasa.

#### Undang-Undang Bab 197 Tahun 1900 FMS

Seperti yang telah dinyatakan di atas pada tahun 1900 dikuatkuasakan satu undang-undang yang dinamakan 'Undang-Undang Pentadbiran Perkahwinan Orang-Orang Islam Bab 197 FMS'. Dengan itu didirikan sebuah bangunan sebagai pejabat bertempat dikawasan Pejabat Kadi Kuala Kangsar sekarang yang dinamakan pejabat ini dengan nama BALAI SYARAK, dimana ditempatkan disana seorang Kadi Besar yang mengetuai beberapa orang Kadi Wilayah. Wilayah Kadi pada masa itu ialah Tanjung Malim, Tapah, Teluk Intan, Batu Gajah, Ipoh, Setiawan, Taiping, Simpang Lima, Kuala Kangsar, Selama, Lenggong dan Parit. Pada masa itu Kroh dipangku oleh Kadi Grik.(3)

#### 'Muhammadan Marriage and Divorce Registration'

Pada 18hb. April 1900 telah dibuat pula satu enakmen mengenai 'Pendaftaran Perkahwinan dan Perceraian Orang-Orang Islam' Enakmen Noz 2 of 1900 iaitu mengenai kuasa kepada Kadi untuk mendaftarkan perkahwinan dan perceraian Orang-Orang Islam.

(3) Suara Majlis Agama Islam Perak dan Jabatan Hal Ehwal Agama Perak Bil. (I).

Dalam enakmen ini juga diterangkan kaedah-kaedah pendaftaran perkahwinan, pendaftaran perceraian, pengesahan perceraian dan hukuman terhadap kesalahan melanggar enakmen tersebut. Juga inilah pertama kali mungkin perkahwinan / perceraian tersebut disijil dan didaftar mengikut Schedule Pendaftaran Perkahwinan dan Penceraian enakmen tersebut. (4)

#### Undang-Undang Kesalahan Syara' 1939

Pada tahun 1918 Al Marhum Sultan Iskandar menaiki takhta Kerajaan Negeri Perak dan baginda telah banyak membuat perubahan. Dengan kemangkatan Al Marhum Sultan Iskandar pada tahun 1938, rasa penghargaan terhadap baginda amat tertanam dalam hati kebanyakan rakyat Melayu semuanya. Dengan itu timbulah kesedaran dikalangan ahli-ahli Agama khasnya bahawa satu undang-undang perlu dibuat dalam urusan ugama terutama sekali masalah makan dikalayak ramai dalam bulan puasa. Beberapa usaha telah dibuat dan akhirnya pada 1939 barulah dapat dikuatkuasakan satu undang-undang yang dinamakan 'Undang-Undang Kesalahan Syara' 1939 dengan perlaksanaannya dibawah Balai Syara' yang diujudkan dalam tahun 1900 itu.(5)

#### Undang-Undang Pentadbiran Agama Islam 1965

Pada tahun 1965 satu undang-undang menyatu dan meminda undang-undang yang berkaitan dengan penubuhan, penyusunan dan pentadbiran semua perkara yang berkaitan dengan Agama Islam dan Mahkamah Syariah dalam Negeri Perak. (6)

- 
- (4) MALAYSIANA, Perak Enactments 1900. Perpustakaan Universiti Malaya, MS II.
  - (5) Suara Majlis Agama Islam dan Jabatan Hal Ehwal Agama Perak Bil. (I).
  - (6) Undang-Undang Pentadbiran Agama Islam Perak II/1965 MS.I

Enakmen Bil II Tahun 1965 ini mengandungi sepuluh bahagian:-

Bahagian I. Gelaran Pendek & Maana

II. Penubuhan Majlis

III. Mahkamah-Mahkamah Syariah

IV. Kewangan Amanah Khairat (Baitul Mal, Wakaf dan  
Zakat Fitrah)

V. Masjid

VI. Nikah, Cerai dan Rujo'

VII. Nafkah Tanggongan

VIII. Muallaf - Muallaf

IX. Kesalahan-kesalahan

X. Perkara-perkara Am

Kedudukan Mahkamah Syariah Negeri Perak.

D.Y.M.M. Sultan adalah Ketua Ugama dan baginda boleh melantik sesiapapun menjadi Kadi Besar yang mengetuai Mahkamah Syariah Negeri Perak. Mahkamah Syariah adalah satu badan yang terpisah daripada Majlis dan berfungsi untuk membicarakan atau memutuskan kes-kes yang diperuntukan oleh Pasal 43(I) Undang-Undang Pentadbiran Ugama Islam II/1965 (7).

Mahkamah Syariah Negeri Perak bolehlah dibahagikan kepada tiga peringkat:-

1. Mahkamah Kadi/Kadi Litar

ii. Mahkamah Kadi Besar

iii. Mahkamah Ulang Bicara (Jawatankuasa Ulang Bicara)

**Mahkamah Kadi/Kadi Litar**

Mahkamah Kadi/Kadi Litar diadakan ditiap-tiap Wilayah Kadi.

Buat masa ini di Perak mempunyai enam belas Wilayah Kadi.

(7) Ibid M.S. I4 Pasal 43 (I)

Kadi juga adalah dilantik dengan tauliah dari D.Y.M.M. Sultan. Mereka juga bertindak sebagai Pendaftar Mahkamah juga sebagai Hakim didalam membicarakan kes-kes kecil yang mana di dalam kuasa jenayah dendanya kurang dari seratus ringgit atau penjara selama sebulan. (8)

Didalam kuasa tadbir Malnya, membicara dan memutuskan tuntutan yang dibicarakan itu tiada boleh lebih daripada seribu ringgit atau tiada boleh dinilai atau dihargakan dengan wang. (9)

Di dalam kes-kes nafkah, cerai talak taklik, fasakh, penjagaan anak, dibicarakan oleh Kadi Litar mengikut kebiasaannya. Didalam Mahkamah Syariah Kadi/Kadi Litar terdapat dua orang Kadi Litar yang mengendalikan kes-kes tersebut diseluruh Wilayah Kadi didalam Negeri Perak.

#### Mahkamah Kadi Besar

Mahkamah Kadi Besar dihakimi oleh seorang hakim iaitu Kadi Besar sendiri. Kadi Besar akan membicarakan kes-kesnya diseluruh Wilayah Kadi. Ia tidak mempunyai bangunan Mahkamah yang tertentu.

Mahkamah Kadi Besar berkuasa didalam seluruh negeri didalam kuasanya jenayahnya ia boleh menjatuhkan lebih daripada bidang kuasa Mahkamah Kadi yang mana ia boleh menjatuhkan hukuman denda tidak lebih daripada seribu ringgit atau penjara tidak lebih daripada enam bulan atau kedua-duanya sekali. (10)

---

(8) Ibid M.S. I5 Pasal 45 (4) (a)

(9) Ibid M.S. I5 Pasal 45 (4) (b)

(10) Ibid M.S. I4 Pasal 45 (3) (a)

Didalam kuasa malnya boleh membicarakan dan memutuskan segala kes dalam hal-hal pertunangan, nikah, cerai, membataalkan nikah, perceraian, harta benda, nafkah, pusaka, wasiat, pemberian, wakaf dan lain-lain perkara. (II)

#### Mahkamah Ulang Bicara

Keputusan Mahkamah Kadi Besar atau Mahkamah Kadi boleh dibawa kepada Mahkamah Ulang Bicara bagi kuasa tadbir jenayahnya, di-perbuat oleh seseorang yang didapati salah dan hukum penjara atau denda yang tidak kurang daripada dua puluh lima ringgit. (I<sup>2</sup>)

Didalam kuasa malnya diperbuat oleh seseorang yang tidak puas hati dengan hukuman yang dijatuhkan oleh Mahkamah Kadi atau Mahkamah Kadi Besar jika harga perkara yang dituntut itu tiada kurang daripada seratus ringgit. (I<sup>3</sup>)

Jawatankuasa Ulangbiacara itu hendaklah mengandungi tiga orang ahli, salah seorang daripadanya ialah Mufti dan seorang pengurus tetap yang ada pengalaman dalam hal Mahkamah dan mendapat tauliah daripada D.Y.M.M. Sultan dan seorang lagi dipilih daripada seramai tujuh orang sekurang-kurangnya yang dilantik pada tiap-tiap tahun oleh D.Y.M.M. Sultan.

#### Bidangkuasa Jenayah Mahkamah Syariah

Bidangkuasanya adalah terhad sebagaimana yang telah ditentukan oleh Akta Parlimen yang menyatakan:-

---

(II) Ibid ms. I4 Pasal 45 (3) (b)

(I2) Ibid ms. I6 Pasal 46 (I) (a)

(I3) Ibid ms. I6 Pasal 46 (I) (b)

" Provided that such jurisdiction shall not be exercised in respect of any offence punishable with imprisonment for a term exceeding six months or with any fine exceeding one thousand dollars with or with both". (I4)

Walaubagaimanapun satu peruntukan baru telah diluluskan oleh Parlimen bertujuan meluaskan bidangkuasa tersebut seperti di-dalam Akta Mahkamah Syariah (Bidangkuasa Jenayah) Pindaan I984 dengan membenarkan Mahkamah Syariah menjatuhkan hukuman penjara sehingga tiga tahun atau apa-apa denda sehingga 5,000 ringgit atau sebat enam rotan atau gabungan kedua-dua hukuman itu. (I5)

Namun demikian peruntukan tersebut masih belum berjalan di-peringkat Negeri Perak kerana satu undang-undang baru mengenai penyelarasan Akta tersebut masih belum dibuat .....

Sungguhpun begitu bidangkuasanya masih terhad kepada orang Islam sahaja. Begitu juga seperti Undang-Undang Pentadbiran Ugama Islam Perak II/I965 adalah terhad kepada orang Islam yang ada didalam Negeri Perak yang melakukan kesalahan didalam Negeri sahaja dan perkara yang menjadi kesalahan Syarak tidak semua disebut didalam enakmen ini seperti kesalahan minum arak, liwat, menuduh seseorang melakukan zina dan sebagainya.

Perkara-perkara jenayah yang didalam Ujjdang-Undang tersebut ialah:-

- I. Tidak hadir sembahyang Jumaat (Kehadiran diMasjid)-Fasal I48.
2. Menjual dan membeli makanan dalam bulan Ramadhan -Fasal I49
3. Anggapan - Fasal I50

(I4) Akta Parlimen Nombor 23/I965, Muslim Couste (Criminal Jurisdiction Act, I965

(I5) Akta Parlimen mengenai Mahkamah Syariah (Bidangkuasa Jenayah) Pindaan I984.

4. Tidak menghiraukan Ramadhan, Hari Raya Fitrah atau Hari Raya Haji - Fasal I51
5. Meninggalkan isteri - Fasal I52
6. Isteri yang tiada taat - Fasal I53
7. Khalwat - Fasal I54
8. Zina - Fasal I55
9. Sumbang - Fasal I56
10. Persetubuhan yang haram diantara orang-orang yang bercerai -  
Fasal I57
- II. Perkahwinan yang tidak sah akadnya - Fasal I58
- I2. Tiada melapurkan atau mendaftarkan - Fasal I59
- I3. Perceraian tanpa kebenaran - Fasal I60
- I4. Mendaftarkan masuk Islam - Fasal I61
- I5. Kesalahan memakai wang - Fasal I62
- I6. Mengutip wang dengan tiada kebenaran - Fasal I63
- I7. Tiada membuat kewajipan didalam undang-undang - Fasal I64
- I8. Memecah rahsia - Fasal I65
- I9. Masjid yang tiada kebenaran - Fasal I66
20. Mengajar ugama - Fasal I67
21. Buku-buku ugama - Fasal I68
22. Ajaran yang karut - Fasal I69
23. Daayah - Fasal I70
24. Menyenda upacara ugama - Fasal I71
25. Melanggar perintah ugama - Fasal I72
26. Mencerca ugama - Fasal I73
27. Tiada membayar zakat dan fitrah - Fasal I74
28. Enggan membayar bantuan - Fasal I75
29. Membayar atau menerima zakat atau fitrah menyalahi undang-undang - Fasal I76
30. Kesalahan berkenaan dengan Amil - Fasal I77
31. Hasutan meninggalkan kewajipan ugama - Fasal I78

32. Pelacuran - Fasal I79
33. Menjadi Barua - Fasal I80
34. Melarikan anak dara - Fasal I81
35. Anak dara lari daripada penjaganya yang dibenarkan oleh Undang-Undang - Fasal I82
36. Menjual anak - Fasal I83
37. Melarikan isteri orang - Fasal I84
38. Kesalahan yang tiada ditentukan - Fasal I85
39. Mencuba membuat atau bersyubahat membuat kesalahan - Fasal I86

Fasal-fasal tersebut di atas ada diperuntukkan didalam Undang-Undang Pentadbiran Ugama Islam Perak I965. (I6)

Denda-denda yang paling dedikit adalah dikenakan kepada kesalahan menjual dan membeli makanan dalam bulan Ramadhan had maksimum ialah lima puluh ringgit atau penjara tujuh hari. Manakala yang paling tinggi dikenakan pada kes zina, pelacuran, sumbang, parsetubuhan yang haram diantara orang-orang yang bercerai. Had maksimum denda ialah seribu ringgit atau enam bulan penjara atau kedua-duanya sekali. Dalam Undang-Undang Pentadbiran Ugama Islam Perak II/I965 dalam kes-kes tersebut menyatakan hukuman penjara boleh dikenakan tidak lebih dari setahun penjara. Penjara setahun tersebut adalah bertentangan dengan Akta Parlimen nombor 23/I965 Muslim Courts (Criminal Jurisdiction) Act I965 mengenai Bidangkuasa Mahkamah Syariah maka dengan sendiri ia tidak boleh terpakai. Had maksimum penjara yang diberi adalah enam bulan maka ia hanya boleh 6 bulan. Ini sepetimana dijalankan dalam Perlembagaan Persekutuan Perkara 75 (I7).

---

(I6) UPUIP, I965 Bhg. IX Kesalahan-kesalahan MS. 55

(I7) Perlembagaan Persekutuan Terbitan Polygraphic Press, Petaling Jaya ms. 47.

Manakala kes-kes yang diperuntukan hanyalah kes-kes saman bukan nya kes-kes tangkap. Manakala kuasa untuk melaksanakan penangkapan tidak ada dan tidak dijelaskan didalam undang-undang tersebut. Kuasa-kuasa tidak ada seperti kuasa memecahkan pintu rumah, mengeledah, pemeriksaan dokumen dan sebagainya. Dengan hal yang demikian untuk melaksanakan undang-undang tersebut adalah amat rumit.

#### Pengenalan Kepada Aturcara Syariah Negeri Perak

Jika diperhatikan benar-benar didalam Undang-Undang Pentadbiran Ugama Islam Perak II/1965 yang menjadi undang-undang induk dalam pentadbiran Islam dinegeri Perak, didapati tidak ada Aturcara Jenayah yang khas untuk Mahkamah Syariah Negeri Perak.

Sepertimana Mahkamah Syariah negeri-negeri lain, Mahkamah Syariah Perak tidak mempunyai Aturcara Jenayah Syariah yang berasingan/ Khas sepertimana terdapatnya Kanun Acara Jenayah 1902/1903. Melainkan perkembangan yang terbaru seperti Mahkamah Syariah Negeri Kelantan dan Wilayah Persekutuan yang telah membuat Kanun Acara Jenayah Syariah sendiri.

Undang-Undang Pentadbiran Ugama Islam Perak II/1965, Bahagian III mengenai Mahkamah Syariah tersebut sahajalah diperuntukan sebagai Aturcara Syariah dan fasal-fasal yang diperuntukan adalah bercampur-aduk antara Aturcara Mal dan Aturcara Jenayah, Peruntukan Am, Peraturan Didalam Perbicaraan Jenayah dan Peraturan Perbicaraan Mal.(I8)

Aturcara didalam Perbicaraan Jenayah khususnya cuma ada didalam undang-undang tersebut dari fasal 60 - 76. Iaitu sebanyak 16

fasal. Ini sudah tentulah jauh dari yang dikehendaki sebagai Aturcara Jenayah Syariah yang lengkap. Sedangkan Kanun Acara Jenayah mempunyai 444 seksyen.

Mengikut pengkajian Prof. Ahmad Mohamed Ibrahim terhadap seluruh anakmen ugama negeri bahawa kesalahan-kesalahan tersebut adalah hampir sama dan secafa umumnya kesalahan-kesalahan tersebut boleh dibahagikan kepada enam kategori:

- (a) Kesalahan-kesalahan matrimoni seperti menganiaya isteri dan tidak taat kepada suami.
- (b) Kesalahan-kesalahan berhubung dengan seks seperti persetubuhan haram, khawat, sumbang dan melacur.
- (c) Kesalahan-kesalahan berhubung dengan minuman keras seperti menjual dan membeli.
- (d) Kesalahan-kesalahan daripada aspek keimanan seperti tidak sembahyang Jumaat, tidak membayar zakat dan fitrah dan tidak berpuasa.
- (e) Kesalahan berhubung dengan menukar agama seperti tidak melaporkan dan mendaftar masuk atau keluar daripada agama Islam dan kesalahan mengenai pengambilan anak angkat.
- (f) Pelbagai kesalahan lain yang tidak termasuk dalam kategori di atas. (I9)

#### Aturcara Jenayah Secara Ringkas

Permulaan tindakan:

Pengaduan yang berkehendakan dengan pendakwaan hendaklah dibuat dengan bertulis atau lisan kepada Pegawai Pemeriksa Hal Ehwal Ugama/Pegawai Pencegah Maksiat. Jika dibuat dengan lisan hendaklah dituliskan oleh pegawai tersebut.

(I9) Sistem Undang-Undang Di Malaysia oleh Prof. Ahmad, cetakan Dewan Bahasa dan Pustaka, muka surat 56.

Dengan jalan manapun hendaklah ianya menyuruh sifengadu bersumpah atau mengaku di atas kebenaran pengaduan itu. (20)

Mahkamah boleh menolak daripada mengambil sesuatu tindakan di atas pengaduan itu jika sekira tidak puas hati bahawa ada sebabnya yang boleh dipercayai bahawa satu kesalahan itu telah dilakukan.

Apabila menerima pengaduan mengatakan satu kesalahan sudah berlaku yang dalam kuasanya membicarakan, maka Mahkamah itu bolehlah mengeluarkan saman kepada orang yang kena tuduh menyuruh ia hadir ke Mahkamah itu pada masa dan tempat yang ditentukan. Jika orang yang dituduh itu tidak mengikut perintah saman yang sudah diberikan kepadanya ataupun jika kesalahan itu satu kesalahan yang boleh dihukum dengan penjara dan ada sebab-sebab yang dipercayai bahawa saman itu tidak akan menjadi berguna oleh sebab orang yang dituduh itu tidak dapat dicari ataupun harus ia tidak menurut perintah saman itu maka bolehlah Mahkamah mengeluarkan waran kepada Ketua Pegawai Polis dan juga kepada lain-lain Pegawai Polis didalam Negeri Perak menyuruh mereka itu menangkap orang yang dituduh itu dan dibawa ke hadapan Mahkamah.

Apabila seseorang yang dituduh dibawa ke dalam Mahkamah maka Mahkamah itu boleh membicarakan tuduhan di atas orang itu atau menangguhkan atau menunda perbicaraan itu dengan syarat-syarat yang difikirkannya berpatutan dan boleh juga membenarkan jaminan kepada orang yang dituduh itu. Pendakwaan hendaklah dijalankan dan dibuat oleh Pendakwa atau Mahkamah dan hendaklah mengandungi kenyataan yang cukup bagi kesalahan yang dituduhkan itu sekiranya mencukupi untuk pengetahuan yang dituduh akan perkara yang ia dituduh.

Tuduhan itu boleh diubah dan dipinda pada bila-bila masa sebelum dijatuhkan hukuman tetapi orang yang dituduh itu hendaklah diberi peluang yang cukup bagi menyoal-balas, memberi atau meminta keterangan melawan tuduhan yang baharu itu.

Perbicaraan:

Mana-mana kebenaran yang dikehendaki bagi menjalankan dakwaan hendaklah disahkan oleh Mahkamah. Tuduhan hendaklah dibaca dan diterangkan keatas yang kena tuduh. Jika ia mengaku salah maka bolehlah ia dijatuhkan hukuman di atas pengakuannya itu. Jika orang yang dituduh itu minta dibicara atau tiada mahu mengaku salah maka pendakwa hendaklah menyatakan dengan ringkasnya perkara yang hendak diterangkan dan demikian juga undang-undang yang berkaitan dan lepas itu hendaklah memanggil saksi-saksi-nya . (21)

Tiap-tiap saksi hendaklah diperiksa oleh pihak yang memanggil nya dan boleh disoal balas oleh pihak yang melawan. Tertuduh jarang menggunakan peluang ini untuk menentukan kebenaran saksi-saksi. Soal-balas itu boleh diperbuat dengan tujuan hendak menentukan benar atau bohong. Pihak yang memanggil saksi itu bolehlah pula memeriksanya sekali lagi ke atas perkara-perkara yang timbul daripada soal-balas itu. Mahkamah bolehlah bertanya pada mana-mana saksi-saksi pada bila-bila masa. Apa-apa soalan lagi boleh dibuat atau saksi-saksi boleh dipanggil semula dengan kebenaran Mahkamah.

Lepas mendengar keterangan-keterangan saksi-saksi bagi pihak pendakwa Mahkamah itu hendaklah samada membuang bicara itu atau menyuruh orang yang dituduh membuat pembelaan. Jika disuruh membuat pembelaannya maka orang yang dituduh itu bolehlah ber-  
cakap kepada Mahkamah dan setelah itu boleh bercakap dengan

(21) Ibidms. 27 Pasal 68 (I) - (16).

bersumpah atau boleh memberi keterangan atau membuat kenyataan dengan tidak bersumpah atau pengakuan. Jika demikian maka dia tiada boleh disoal-balas ataupun boleh berdiri dengan berdiam. Jika ia membuat keterangan bolehlah ia disoal-balas, tetapi tiadalah boleh disoal di atas kelakuannya atau di atas kesalahan yang tidak dituduh di atasnya. Orang yang dituduh kemudian bolehlah memanggil saksi-saksinya pula dan orang yang dituduh boleh menerangkan perbicaraan itu bagi dirinya. Manakala pendakwa bolehlah menjawab penerangannya itu.

Mahkamah itu hendaklah samada menjatuhkan kesalahan ke atas atau melepaskan orang yang dituduh itu daripada tuduhan. Jika tertuduh didapati salah, Mahkamah boleh memberitahu kesalahan yang dahulu dan mahkamah dikehendaki memberi perhatian kepada permintaan kasihan belas daripada tertuduh. Mahkamah hendaklah membuat peringatan keterangan-keterangan dengan bertulis seperti yang dituturkan dan juga membuat peringatan di atas pendapat-pendapat dan hukuman yang dijatuhkan.

Mahkamah yang menjatuhkan hukum penjara hendaklah menghantar orang yang salah itu ke penjara di dalam jagaan seorang Pegawai Polis ataupun seorang Pegawai Mahkamah dan menyerahkan orang itu kepada pegawai yang menjaga penjara bersama dengan waran menahannya dan ianya dengan demikian hendaklah ditahan. (22)

Satu Mahkamah yang menjatuhkan hukuman denda bolehlah memberi masa membayar denda itu atau membenarkan bayar denda beransur ansur. Sebagai menggantikan keputusan pendapat yang seorang itu bersalah, maka Mahkamah itu boleh memberi amaran melepaskan orang itu. Sebagai ganti hukuman itu ke atas seseorang yang didapati salah, Mahkamah bolehlah membuat perintah supaya ianya

---

(22) Ibid ms. 22 Fasal 69 (I) - (5).

mengikat jamin supaya berkelakuan baik selama tiada lebih daripada setahun dan boleh menerima surat jaminan diri dengan sejumlah wang yang ditentukan, dengan bercagar atau tidak atau pertaruhan wang. (23)

Rayuan:

Ulang bicara daripada Mahkamah Kadi Besar dan Mahkamah Kadi hendaklah diserahkan kepada Jawatankuasa Ulang Bicara ditubuhkan berikut daripada keputusan Mahkamah Kadi Besar atau Mahkamah Kadi. Jawatankuasa Ulang Bicara ini mengandungi tiga orang ahli, salah seorang daripadanya hendaklah Mufti dan seorang Pengurus Tetap yang ada pengalaman dalam hal Mahkamah dan mendapat tauliah daripada D.Y.M.M. Sultan dan seorang lagi dipilih daripada sekumpulan tujuh orang sekurang-kurangnya yang dilantik pada tiap-tiap tahun oleh D.Y.M.M. Sultan. (24)

Rayuan Jenayah hanya boleh diperbuat oleh seorang yang didapati salah dan dihukum penjara atau denda yang tidak kurang daripada dua puluh lima ringgit, permintaan ulang bicara itu boleh diperbuat kerana menentang keputusan mendapatkan kesalahan atau hukuman ataupun kedua-duanya.

Apakala mana-mana orang meminta Ulang Bicara di atas hukuman Mahkamah Kadi Besar atau sebuah Mahkamah Kadi ataupun memohon kebenaran ulang bicara mengikut sebagaimana syarat dalam fasal kecil (I) (o) kepada fasal 46(3), maka hendaklah Yang Di Pertua melantik Jawatankuasa Ulang Bicara itu untuk menjalankan ulang bicara ataupun menyemak permohonan kerana kebenaran membuat ulang bicara itu. (25)

(23) UPUI PK. II/1965 ms. 29 Fasal 70 - 71

(24) Ibid ms. I6 Fasal 46(I) (2) (3)

(25) UPUI PK. II/1965 ms. I6 Fasal I6(3).

Dalam mana-mana ulang-bicara dalam kes jenayah, Jawatankuasa boleh menetapkan, membatalkan hukum bersalah, membatalkan atau menambah atau mengurangkan hukuman atau memerintahkan dibicarakan semula.

Ampunans

Bolehlah D.Y.M.M. Sultan meringan, menangguh atau mengurangkan apa-apa hukuman atau sebahagian daripadanya dengan nasihat Majlis.

Satu pun tiada di dalam ini yang boleh menyentuh hak D.Y.M.M. Sultan pada menjalankan ampun dan belas kasihannya. ( 26 )

---

(26) UPUI PK. II/1965 ms. 29 Fasal 72 (I) (2).

BAB II

BIDANGKUASA JENAYAH SYARIAH NEGERI PERAK.

Bidangkuasa jenayahnya adalah terhad kepada kes-kes yang berlaku didalam Negeri Perak. Untuk lebih menerangkan bidangkuasa tersebut bolehlah kita merujuk kepada peruntukan-peruntukan undang-undang tersebut. (1)

Bidangkuasa Jenayah Kadi:

Pasal 45 (4) (a) Mahkamah Kadi hendaklah dalam kuasa tadbir jenayahnya, membicarakan apa-apa kesalahan yang dilakukan oleh orang-orang yang boleh dihukum dibawah undang-undang di atas itu ialah tiada berlebih daripada sebulan penjara atau denda yang tiada lebih daripada seratus ringgit atau kedua-duanya dan boleh menjatuhkan hukuman yang demikian. (2)

Bidangkuasa Jenayah Kadi Besar:

Pasal 45 (3) (a) menyatakan bahawa Mahkamah Kadi Besar hendaklah Didalam kuasa jenayahnya membicarakan mana-mana kesalahan yang dilakukan oleh orang-orang Islam yang boleh dihukum dibawah undang-undang ini dan boleh menjatuhkan hukuman yang ditentukan bagi kesalahan itu. (3)

Denda yang boleh dikenakan oleh Mahkamah Kadi Besar hendaklah tidak melebihi seribu ringgit dan penjara tidak lebih dari enam bulan atau kedua-dua sekali. Ini adalah merupakan hukuman yang paling maksimum.

Dari pada peruntukan di atas adalah jelas bahawa Mahkamah Syariah didalam kuasa jenayahnya hanyalah boleh menghukum orang Islam sahaja begitu juga mengenai hal milik, manakala orang bukan Islam dan hak milik mereka adalah diluar bidangkuasa.

(1) UPUI. PK. II/I965 MS. I4 Pasal 45(1)

(2) Ibid MS. I5

(3) Ibid MS. I4